

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 February 2016

## Asas ekonomi negara kukuh tarikan utama pelabur – Najib

UM - 20/2/2016

**KUALA LUMPUR 19 Feb.** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, asas ekonomi yang disokong infrastruktur industri yang lengkap serta penawaran pekerja berkualiti tinggi merupakan tarikan utama untuk melabur di negara ini.

Perdana Menteri memberitahu, selain daripada itu, pelabur melihat kestabilan politik di negara ini sebagai fakta yang penting.

"Insya-Allah, saya akan teruskan usaha dengan gigih demi membangunkan ekonomi negara kita secara mampan," katanya dalam rakaman audio yang disiarkan melalui laman blog NajibRazak.com hari ini.

Menurut beliau, negara ini turut menerima kesan akibat kemelut ekonomi global yang disebabkan

oleh kejatuhan harga minyak mentah.

Sehubungan itu, Najib menjelaskan, kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam usaha mencari jalan untuk membuka peluang pelaburan ekonomi.

Beliau menambah, langkah-langkah tersebut bertujuan memastikan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara empat hingga 4.5 peratus.

Perdana Menteri berpandangan, Sidang Kemuncak Amerika Syarikat (AS) - ASEAN yang turut disertai Malaysia di California baru-baru ini mewujudkan peluang untuk memperkukuhkan lagi hubungan

diplomatik dan kerjasama ekonomi antara negara-negara terlibat.

"Ia juga merupakan salah satu langkah proaktif ekonomi yang saya maksudkan ini," jelasnya.

Najib berkata, beliau turut mengadakan perjumpaan dengan pelabur-pelabur asing dan ketua-ketua industri di California bagi menarik minat mereka untuk melabur di negara ini.

"Saya percaya penjelasan dan penerangan yang telah diberikan kepada mereka oleh saya bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan pegawai kanan kerajaan yang turut serta dalam lawatan ini dapat memberi keyakinan terhadap kedudukan sebenar negara," katanya.